

Kenyataan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai Majlis Penuh Pada 28 April 2011

1. TINDAKAN PENGUATKUASAAN MPSP BULAN MAC 2011

Sepanjang bulan April 2011, Direktorat Penguatkuasaan telah menyerahkan 38 notis berhenti kerja dan 55 notis meroboh ke atas binaan-binaan tanpa kebenaran.

Sebanyak 1327 buah premis perniagaan telah diperiksa dan dari jumlah tersebut sebanyak 157 Kompaun telah dikeluarkan kerana tidak mempunyai lesen.

Direktorat Penguatkuasaan juga telah mengeluarkan 225 kompaun kenderaan berat di dalam taman perumahan serta 55 kompaun ke atas kenderaan Lori Tanah yang menyebabkan jalan kotor.

Sebanyak 177 buah kenderaan telah dikunci tayar dengan kutipan sebanyak RM 8,850 telah bayaran diterima.

Manakalan bagi kompaun parking pula, sebanyak 7973 kompaun parking telah dikeluarkan dan kompaun telah dibayar berjumlah RM 80,305 sepanjang April 2011.

2. MAKLUMBALAS ADUAN OLEH MPSP

Maklumbalas aduan oleh MPSP, adalah sangat dihargai dan sentiasa diberi perhatian yang serius kerana ia sememangnya adalah berharga dan boleh membantu dalam usaha MPSP untuk terus mempertingkatkan perkhidmatan-perkhidmatan kepada semua para pelanggan. MPSP percaya dalam membuat perkara yang betul dan melaksanakannya dengan betul. Tetapi kami juga menyedari bahawa adakalanya kesilapan boleh berlaku dan maklumbalas yang tepat pada masanya dari anda akan boleh membantu kami berada terus di landasan yang betul demi untuk mencapai aspirasi dan komitmen MPSP.

Melalui Piagam Pelanggan, MPSP akan mengemukakan maklumbalas terhadap tindakan yang diambil kepada pengadu dalam tempoh 5 hari bekerja selepas menerima aduan.

3. HARI PEKERJA

Hari Pekerja sebenarnya mengingatkan kita betapa besarnya sumbangan para pekerja ke atas pembangunan negara. Pekerja adalah tonggak kemajuan, kemakmuran dan keharmonian sesebuah negara. Tanpa pekerja, terutamanya pekerja yang dedikasi dan produktif, tidak mungkin kita akan mencapai kemajuan dan kemakmuran seperti yang dinikmati sekarang ini. Justeru, kita harus melihat sambutan Hari Pekerja ini sebagai wadah bagi menghargai sumbangan seluruh warga pekerja dalam memacu pembangunan negara ke arah kemajuan dan kemakmuran. Kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada seluruh rakyat Pulau Pinang amnya dan seluruh rakyat Seberang Perai khususnya yang akan disambut pada 1 Mei 2011 (Ahad).

4. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK

Kepada seluruh penganut agama Buddha di Seberang Perai, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Wesak yang akan disambut pada 17 Mei 2011 (Selasa).

Sekian, terima kasih.